

BLOG DAKWAH SEBAGAI MEDIUM  
PEMAHAMAN AGAMA DALAM  
KALANGAN GENERASI  
Y ISLAM

AB. HAMID BIN ALI

DOKTOR FALSAFAH

2015

AB. HAMID BIN ALI

DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2015

BLOG DAKWAH SEBAGAI MEDIUM  
PEMAHAMAN AGAMA DALAM  
KALANGAN GENERASI  
Y ISLAM

AB. HAMID BIN ALI

Tesis Dikemukakan Bagi Memenuhi Gelaran Ijazah  
Doktor Falsafah Pusat Pendidikan Asas dan Liberal  
Universiti Malaysia Terengganu

FEBRUARI 2015



## **DEDIKASI**

Tesis ini ditujukan khas kepada dua ibu bapa, isteri dan anak-anak serta adik beradik tersayang. Hidup ini adalah perjuangan yang tidak ada noktahnya justeru jadikan segala kesukaran yang sama-sama kita harungi pada masa lalu sebagai inspirasi untuk kita membina kekuatan pada masa akan datang.

Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

## **BLOG DAKWAH SEBAGAI MEDIUM PEMAHAMAN AGAMA DALAM KALANGAN GENERASI Y ISLAM**

**FEBRUARI 2015**

<b>Penyelia Utama</b>	<b>:</b>	<b>Profesor Madya Fadzli Adam, Ph.D</b>
<b>Penyelia Bersama</b>	<b>:</b>	<b>Profesor Wan Abd. Aziz Wan Mohd Amin, Ph.D</b>
	<b>:</b>	<b>Profesor Wan Solihin Wong Abdullah, Ph.D</b>
<b>Pusat</b>	<b>:</b>	<b>Pusat Pendidikan Asas dan Liberal</b>

Blog dilihat mengandungi daya tarik tersendiri dalam penyebaran dakwah semasa dengan ciri-ciri digital dan interaktif. Saluran ini semakin digemari oleh golongan Y Islam kerana kedudukan mereka yang begitu sinonim dengan penggunaan internet. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerimaan generasi Y Islam di IPTA terhadap blog sebagai medium pemahaman agama. Asas penting yang dilihat mengenai penerimaan blog ialah ciri-ciri media berdasarkan teknologi (kebergunaan serta kesenangan), ciri-ciri pelajar (efikasi diri serta pengetahuan asas agama) serta ciri kandungan blog (kredibiliti kandungan maklumat dan bloger). Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk melihat bentuk dan kekuatan hubungan di antara pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar iaitu niat menggunakan blog selain bertujuan untuk melihat *trend* semasa mengenai penerimaan blog. Untuk mendapatkan pemahaman secara lebih komprehensif mengenai faktor-faktor penentu terhadap niat penerimaan blog, teori *Technology Acceptance Model* (TAM) serta pengembangan terhadapnya dilakukan oleh pengkaji dengan memasukkan pembolehubah efikasi diri, kredibiliti maklumat dan bloger serta pembolehubah pengetahuan asas agama sebagai faktor penyumbang terhadap model. Dengan menggunakan teknik *purposive sampling*, kira-kira 464 pelajar IPTA telah diambil sebagai sampel kajian. Dapatan menunjukkan hampir 99% responden menerima blog sebagai medium pemahaman agama melalui pelbagai kategori pengetahuan agama terutama terhadap isu agama semasa dan penyelesaian hukum Islam. Ujian secara *Multivariate analysis* (MVA) melalui *Structural Equation Modelling* (SEM) - *Partial Least Square* (Smart-PLS) menunjukkan keputusan responden menerima blog berasaskan faktor kesenangan menggunakan, kredibiliti kandungan blog dan penulis blog, efikasi diri dalam menggunakan blog serta pengetahuan asas agama turut mempengaruhi niat menggunakan blog. Walau bagaimanapun, faktor kebergunaan blog sebagai medium pemahaman agama didapati tidak signifikan. Secara keseluruhan kesemua faktor telah menyumbang sebanyak 57.3% terhadap niat responden dalam menggunakan blog sebagai medium pemahaman agama ( $R^2$  0.573). Dapatan kajian menyumbang kepada pengembangan teori dan pembentukan model dalam mengaplikasikan dakwah bestari oleh pengguna blog dakwah, para perancang dakwah dan pembina koswer multimedia termasuk pihak pemegang taruh

dalam bidang ini dalam memperoleh hala tuju strategik mengenai infrastruktur, pemantapan tadbir urus serta memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan dakwah di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**DA'WAH BLOG AS A MEDIUM OF RELIGIOUS UNDERSTANDING  
AMONG Y MUSLIM GENERATION**

**AB HAMID BIN ALI**

**FEBRUARY 2015**

**Main Supervisor : Associate Professor Fadzli Adam, Ph.D**

**Co-Supervisor : Professor Wan Abd Aziz Wan Mohd Amin, Ph.D**

**: Professor Wan Solihin Wong Abddullah, Ph.D**

**Centre : Centre for Fundamental and Liberal Education.**

Blogs has its own attraction in the spread of the current Da'wah with the features of digital and interactive. This channel is increasingly favoured by the muslim Y generation because their positions are so synonymous with the use of the internet. This study aimed to investigate the acceptance of muslim Y generation in public higher learning institutes (IPTA) towards blogs as medium of religious understanding. The basic important elements in the acceptance of blogs are the characteristics of the technology-based media (usefulness and ease of use), the characteristics of the students (self efficacy and prior knowledge of religion) and the content of the blogs (the credibility of the information content and blogger). Specifically the study is to investigate the relationship and the strength of the relationship between the independent variable upon the dependent variable (intention to accept blogs). In addition, this study is to examine the current trend of adopting the blogs among these respondents. Thus, to get a more comprehensive understanding of the determinant factors on the intention of adopting blogs, a conceptual framework was developed in relation to Technology Acceptance Model (TAM). TAM as well as the expansion of it was constructed by the researcher by adding the self efficacy variable, credibility of information and the blogger and religion prior knowledge as contributing factors to the model. Therefore, by using the techniques of purposive sampling, 464 respondents in IPTA were taken as samples. The findings showed that almost 99% of the respondents accepted blogs as medium of religious understanding through various categories of religious knowledge, especially on the current issues of religion and Islamic legally solutions. The test in Multivariate analysis (MVA) through Structural Equation Model - Partial Least Square (SEM-PLS) showed the results of the respondents received blogs based on the factor of ease of use, the credibility of the content of blogs and bloggers, self-efficacy in using blogs and religion prior knowledge that also influenced the intention of using the blogs. However, the usefulness of the blog as a medium of religious understandding is not significant. In conclusion, all the factors had contributed 57.3% of the respondents' intention in using blogs as medium of religious understanding ( $R^2$  0.573). The finding contributing to the theory, modeling

to the application of smart da'wa, to the planners and producers of the multimedia courseware including the stakeholder in this field especially in obtaining the strategic direction of the infrastructure, strengthening the governance and enhancing the da'wah delivery services throughout Malaysia.